


10 syarikat sertai pembangunan ibu kota baharu Indonesia

mls: 2

BH-9/11/2023



Anwar bersama isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Soekarno-Hatta, semalam. (Foto BERNAMA)

Anwar saksi majlis penyerahan 11 Surat Hasrat kukuhkan hubungan 2 hala



Daripada Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman

di Jakarta

Malaysia meningkatkan hubungan dua hala dengan Indonesia menerusi pembabitian syarikat negara dalam pembangunan Nusantara, ibu kota Indonesia yang baharu di Kalimantan Timur, berhampiran Sarawak dengan potensi nilai RM1 bilion.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memulakan lawatan rasmi dua hari semalam, menyaksikan majlis penyerahan 11 Surat Hasrat (LoI) babitkan penyertaan 10 syarikat Malaysia dalam pembangunan Nusantara. Kehadiran syarikat Malaysia

itu bukan sahaja mengukuhkan keakraban, malah buka peluang perniagaan dan perdagangan kepada syarikat kedua-dua negara.

Surat Hasrat itu diserahkan kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz. Yang turut hadir, Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir.

Pembangunan pusat pentadbiran ibu kota baharu dipindahkan dari Jakarta itu diilhamkan Presiden Joko Widodo dan dijadualkan memulakan pentadbiran di Nusantara pada tahun depan.

Success Electronics&Transformer Manufacturer Sdn Bhd (SETM), pengeluar transformer voltan rendah dan pembekal lampu LED industri berskala besar menyatakan minat laksana penggunaan lampu jalan LED pintar.

Carsome, syarikat e-dagang kenderaan bersepadu turut menyatakan minat untuk mendigitalkan perdagangan automotif di Nusantara serta penubuhan pusat pemeriksaan dan pengalaman kereta; pusat baik pulih kereta; Akademi TVET Automotif; bengkel automotif dan pusat servis serta ibu pejabat Carsome di Nusantara/ wilayah Borneo.

Olympic Cable Company (OSK

Group) yang menghasilkan kabel aluminium dan tembaga pula mahu mengembangkan produknya, termasuk kabel kawalan, kabel instrumentasi, kabel berbilang teras, gentian optik, kabel minyak dan gas serta lain-lain untuk memenuhi permintaan utiliti, infrastruktur, bangunan dan pembinaan, telekomunikasi dan industri lain untuk pasaran tempatan dan pasaran eksport antarabangsa.

Selain itu, Boustead Properties Berhad, pemaju induk dalam aktiviti teras dalam pembangunan, pengurusan, pelaburan hartanah dan pembangunan perbandaran lestari, menyatakan minat membangunkan hartanah serta perkongsian pengetahuan dalam membangunkan perbandaran pintar pintar yang mampan.

Tawar kepakaran

Syarikat berkenaan juga menawarkan bidang farmaseutikal, kewangan, perbankan, perladangan, pelancongan, industri berat, pendidikan, perdagangan, hotel dan resort serta hartanah dan pelaburan.

Berjaya Corporation Berhad, konglomerat pelbagai perniagaan turut berminat menawarkan kepakaran pengurusan sisa pepejal, bekalan air minuman, pem-

bangunan hartanah dan perumahan serta teknologi bandar pintar di pusat pentadbiran itu.

Kumpulan farmaseutikal bersepadu terbesar, Pharmaniaga Berhad yang juga pembekal produk dan perkhidmatan berkualiti dalam industri penjagaan kesihatan pula menawarkan produk serta perkhidmatan penjagaan kesihatan berpatutan dan berkualiti.

Alliance MEP (Sarawak) Sdn Bhd, iaitu syarikat perkhidmatan perundingan kejuruteraan mekanikal dan peralatan (M&E) membabitkan reka bentuk, audit teknikal, kajian kebolehlaksanaan dan pengurusan projek infrastruktur; perindustrian, komersial, bukan komersial dan kediaman berminat untuk menyediakan perkhidmatan profesional.

Syarikat utiliti negara, Tenaga Nasional Berhad (TNB) turut berminat meneroka dan mengambil bahagian dalam pembangunan serta pengendalian penye-

lesaian tenaga merentasi pelbagai teknologi yang ada seperti gas, suria, angin, hidro dan penyimpanan bateri.

Protasco Berhad menerusi HCM Engineering, firma kejuruteraan pembangunan, pembinaan dan penyelenggaraan infrastruktur dan hartanah, pendidikan swasta, perdagangan serta pembekalan bahan binaan berminat membangunkan infrastruktur dan perumahan kerajaan.

Menerusi syarikat pembangunan, pembinaan dan penyelenggaraan tenaga boleh diperbaharui (RE) dan stesen pengecasan, i2 Energy berminat membangunkan RE dan stesen pengecasan.

Reneuco Berhad pula syarikat yang terbabit dalam segmen tenaga dan utiliti lestari membabitkan aktiviti berkaitan pembinaan dan perkhidmatan kejuruteraan khusus dalam menyediakan perkhidmatan tenaga serta utiliti yang mampan.